

SULIT **ANGKA GILIRAN:** _____



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JFP312 – Kewangan Keusahawanan dan
Modal Teroka**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

SOALAN 1 (20 markah)

- (a). Apakah maksud maklumat asimetri? Jelaskan **DUA (2)** elemen penting berkenaan maklumat asimetri yang menjadi penentu dalam pembiayaan modal teroka. (12 markah)
- (b). Terangkan **EMPAT (4)** hak pemegang saham keutamaan. (8 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

“Syarikat permulaan baharu yang berdasarkan kepada teknologi tinggi, ilmu dan juga berdasarkan idea-idea untuk SME, memerlukan suatu pendanaan yang berlainan dan lebih kreatif. Peminjaman bank berdasarkan cagaran seperti dahulu mungkin tidak dapat dilakukan untuk aktiviti yang didasarkan kepada janji idea yang tidak dapat dipegang sebagai cagaran”.

(sebahagian petikan daripada laporan ekonomi diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, 2000)

- (a). Petikan di atas memberi gambaran mengenai penubuhan syarikat modal teroka di Malaysia yang mempunyai ciri-ciri berbeza berbanding syarikat lain. Terangkan ciri-ciri syarikat modal teroka. (12 markah)
- (b). Terangkan halangan utama yang dihadapi firma ekuiti persendirian di negara membangun yang ingin menjalankan perniagaan berasaskan teknologi. (8 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

- (a). Kebiasaannya, syarikat modal teroka keluar dari pasaran sama ada melalui kaedah tawaran awal awam (*initial public offering*) atau pengambil alihan (*acquisition*). Terangkan sebab syarikat melakukan tawaran awal awam (*initial public offering*). (10 markah)

- (b). Dalam struktur organisasi firma modal teroka, terdapat beberapa jawatan yang berperanan membantu pihak pengurusan mencapai objektif syarikat. Terangkan tugas utama dan kemahiran 'associates' di dalam struktur organisasi firma modal teroka.

(10 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

- (a). Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti industri modal teroka sebagai salah satu sektor baharu untuk membangunkan ekonomi negara ke arah status negara maju. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang perlu diatasi demi menjayakan hasrat kerajaan tersebut. Jelaskan **TIGA (3)** cabaran utama yang dihadapi oleh industri firma modal teroka di Malaysia.

(12 markah)

- (b). Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam penilaian syarikat modal teroka. Setiap kaedah mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Terangkan **EMPAT (4)** kelemahan kaedah nilai kini bersih (*net present value*).

(8 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

- (a). Lembaga pengarah ialah pihak berkuasa tertinggi syarikat yang bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk mentadbir syarikat dan menyalurkan maklumat tertentu kepada pelabur. Terangkan maklumat yang perlu diberikan oleh lembaga pengarah kepada pelabur.

(12 markah)

- (b). Pekongsi am (*general partners*) merupakan pihak yang menguruskan syarikat bagi pihak pekongsi terhad (*limited partners*). Untuk itu, pekongsi am menerima insentif untuk khidmat yang diberi dalam menguruskan syarikat. Terangkan **EMPAT (4)** sistem insentif yang diberikan kepada pekongsi am untuk mencapai keseimbangan antara faedah yang ditawarkan kepada pekongsi am dan tanggungjawab untuk menguruskan syarikat.

(8 markah)